

Lembaran Kerja

Sains Darjah 1

Unit 3: Benda Hidup dan Benda Bukan Hidup

Bahagian A

Tandakan jawapan yang betul.

1) **“Kapal dan perahu memerlukan air untuk terus hidup. “**

Adakah pernyataan di atas benar atau palsu?


- (A) Benar
- (B) Salah

2) **“Tempat tinggal adalah keperluan asas bagi manusia. Manusia dan haiwan memerlukan keperluan asas seperti udara, air, makanan dan tempat tinggal.”**

Adakah pernyataan di atas benar atau salah?

- (A) Benar
- (B) Salah

3) Antara berikut, yang manakah benda hidup?




(A) i & ii

(B) i & iii

(C) ii & iv

4) Antara berikut, yang manakah benda bukan hidup?



(A) i, ii & iii

(B) i, ii & iv

(C) i, iii & iv

5) **“Saiz dan ketinggian badan manusia bertambah seiring dengan peningkatan usia.”**


Apakah ciri-ciri hidupan yang dinyatakan di atas?

(A) Bernafas

(B) Bergerak

(C) Membesar

6) Susun burung dari yang paling kecil hingga yang paling besar.



- (A) R T S U
- (B) T S U R
- (C) U R S T
- (D) S T R U

7)

X
Bernafas
Membiak
Bergerak
Memerlukan air
Memerlukan makanan
Membesar

Apakah itu X?

- (A) Rupa benda hidup
- (B) Ciri-ciri benda hidup
- (C) Ciri-ciri benda bukan hidup

8) Mengapakah tumbuhan memerlukan udara dan cahaya matahari?




- (A) Untuk mendapatkan tenaga
- (B) Untuk bergerak
- (C) Untuk membuat makanan

9) Mengapakah pokok dianggap sebagai benda hidup?

- I. Ia memerlukan air.
- II. Ia semakin membesar.
- III. Ia boleh membiak.
- IV. Ia boleh bernafas.

- (A) I, II & III
- (B) I, III & IV
- (C) I, II, III & IV

10)



“Budak itu diletakkan di dalam bilik kedap udara dengan makanan dan air”

Nyatakan sama ada budak itu akan kekal hidup atau akan mati dan sebabnya.

- (A) Budak itu akan hidup kerana dia mempunyai makanan
- (B) Budak itu akan hidup kerana dia mempunyai air
- (C) Budak itu akan mati kerana tiada udara

Bahagian B

Jawab semua soalan berikut.

Soalan 1 dan 2 adalah berdasarkan gambar 1.



Gambar 1

1. Mengapakah manusia dan haiwan memerlukan tempat perlindungan? Berikan dua sebab.

2. Apakah yang akan berlaku sekiranya manusia dan haiwan tiada tempat perlindungan?

3. Gambar 2 menunjukkan keadaan singa yang kurus di Zoo X.



Gambar 2

Sumber: Mstar

Berdasarkan gambar 2, nyatakan sebab-sebab singa tersebut berada dalam keadaan sedemikian dan ramalkan keadannya selepas 1 bulan.

Bahagian C

Hasilkan penanda buku yang menarik yang mengandungi ciri-ciri benda hidup. Hiaskan mengikut kreativiti anda.

Skema Jawapan

Lembaran Kerja

Sains Darjah 1

Unit 3: Benda Hidup dan Benda Bukan Hidup

Bahagian A

1. B
2. A
3. C
4. B
5. C
6. C
7. B
8. C
9. D
10. C

Bahagian B

1. Berlindung daripada hujan dan panas/ Berlindung daripada bahaya
2. Mati/ Haiwan memasuki kawasan manusia/ Mana-mana jawapan yang sesuai
3. Kekurangan air/Kekurangan makanan/ Tempat perlindungan yang tidak sesuai/ Singa akan mati/ singa akan sakit/ Mana-mana jawapan yang sesuai